



**SIARAN MEDIA  
JABATAN PERANCANGAN DAN KEMAJUAN EKONOMI  
JABATAN PERDANA MENTERI**

**BANCI PENDUDUK DAN PERUMAHAN 2011**

---

*Tarikh : 30 Mac 2011*

1. Kerajaan Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam, melalui Jabatan Perancangan dan Kemajuan Ekonomi (JPKE) akan mengendalikan Banci Penduduk dan Perumahan (BPP) bagi Negara Brunei Darussalam pada tahun ini.
2. BPP 2011 ialah banci kelima seumpamanya dikendalikan di Negara Brunei Darussalam. Banci terdahulu telah dijalankan pada tahun 1971, 1981, 1991 dan 2001.
3. Objektif utama BPP 2011 ialah:
  - a) Untuk mengumpulkan maklumat yang lengkap dan terkini mengenai jumlah penduduk dan isi rumah di negara ini serta ciri-ciri demografi, sosial dan ekonomi penduduk; dan

- b) Untuk mengumpulkan maklumat yang lengkap dan terkini mengenai jumlah perumahan di negara ini dan ciri-ciri keadaan perumahan tersebut serta kemudahan-kemudahan isi rumah.
4. BPP 2011 akan dilaksanakan dalam dua peringkat. Peringkat pertama ialah penomboran tempat-tempat kediaman mengikut kampung/kawasan di setiap daerah di seluruh negara. Peringkat penomboran ini akan dijalankan mulai 1 hingga 30 April 2011. Peringkat kedua pula, iaitu menemuduga setiap penduduk akan bermula 20 Jun 2011 sehingga 3 Julai 2011.
  5. Bagi memastikan BPP 2011 ini berjalan dengan lancar, JPKE melantik pegawai-pegawai banci terlatih yang ditugaskan untuk mengunjungi semua tempat kediaman di bawah pengawasan masing-masing sepanjang tempoh banci untuk mengumpulkan maklumat yang diperlukan. Ketua atau ahli isi rumah adalah dinasihatkan untuk memastikan pegawai banci yang datang membuat lawatan adalah yang sah dilantik melalui pas banci dan kad pintar mereka.
  6. BPP 2011 meliputi semua orang, samada rakyat Negara Brunei Darussalam, penduduk tetap atau penduduk sementara, di tempat tinggal biasa mereka, iaitu merujuk kepada mereka yang telah atau akan tinggal sebagai ahli biasa isi rumah bagi tempoh 6 bulan atau lebih dalam tahun 2011. Semasa peringkat penomboran, pegawai-pegawai banci akan mengumpulkan senarai nama dan nombor kad pintar setiap ahli isi rumah, dan seterusnya akan juga memasang pelekat bagi setiap tempat kediaman. Bagi peringkat kedua, pegawai-pegawai banci akan mengumpulkan maklumat yang lebih terperinci bagi setiap ahli isi rumah, yang meliputi ciri-ciri peribadi, pendidikan dan pekerjaan. Pengumpulan

maklumat banci ini akan dijalankan melalui temuduga atau ketua dan ahli isirumah mengisikan sendiri borangtanya yang disediakan untuk diambil semula dan disemak oleh pegawai banci pada tarikh yang dipersetujui bersama.

7. Data yang dikumpul melalui BPP 2011 akan membekalkan maklumat yang komprehensif mengenai penduduk mengikut ciri demografi, sosial dan ekonomi, di samping maklumat mengenai jumlah stok tempat kediaman serta kemudahan atau keperluan asas perumahan. Maklumat tersebut akan memberikan tanda aras baru bagi kegunaan penilaian, perancangan dan pembentukan dasar oleh pihak Kerajaan, dan pelbagai tujuan penganalisan dan penyelidikan oleh pengguna-pengguna lain. Oleh itu, kerjasama orang ramai dalam memberikan maklumat yang tepat adalah amat diperlukan.
8. Peringkat pertama penomboran BPP 2011 akan juga diselajurkan dengan penyenaian syarikat perusahaan/perniagaan mengikut kampung atau kawasan di seluruh negara. Para pemilik atau pengurus syarikat perusahaan/perniagaan adalah dipohonkan untuk memberikan kerjasama bagi membekalkan maklumat yang diperlukan, di samping memastikan setiap pekerja mereka, terutama pekerja asing adalah diliputi dalam BPP 2011 di tempat kediaman masing-masing.
9. BPP 2011 ini dijalankan di bawah Akta Banci, Penggal 78 dari Undang-Undang Negara Brunei Darussalam. Akta Banci mewajibkan orang ramai menjawab semua soalan banci dan menjamin bahawa maklumat individu adalah disimpan sulit dan dirahsiakan.

10. Sebarang pertanyaan mengenai BPP 2011 ini bolehlah dirujuk ke JPKE dengan menghubungi Urusetia BPP 2011 semasa waktu pejabat melalui talian : 2230265 atau emel : [info.statistics@jpke.gov.bn](mailto:info.statistics@jpke.gov.bn). Maklumat lanjut mengenai BPP 2011 boleh juga diperolehi di laman web JPKE: [www.jpke.gov.bn](http://www.jpke.gov.bn).